

Fauzi masih ADUN Beserah — Speaker

MM 13 APR 2001

KUANTAN 12 April — Datuk Wan Mohamad Razali Wan Mahussin masih lagi menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Beserah yang sah di sisi undang-undang meskipun telah mengumumkan peletakan jawatan sebagai ADUN kawasan itu dua minggu lalu.

Speaker Dewan Undangan Negeri Pahang, Datuk Wan Mohamad Razali Wan Mahussin berkata, ini kerana sehingga sekarang Ketua UMNO bahagian Kuantan itu belum menghantar surat peletakan jawatan berkenaan kepadanya.

“Dia masih lagi ADUN Beserah kerana dia tidak ada pun hantar surat peletakan jawatan kepada saya sampai ke hari ini, jupya pun tidak,” katanya ketika dihubungi bagi mengulas status terkini Fauzi sebagai ADUN.

Fauzi mengumumkan peletakan jawatannya pada penghujung bulan lepas kerana merasakan dirinya tidak lagi diperlukan oleh UMNO bahagiannya sendiri.

Bagaimanapun, tindakannya berbuat demikian ditegur oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang berkata, Fauzi perlu menghantar surat peletakan jawatan kepada Speaker Dewan Undangan Negeri Pahang.

Sementara itu, Fauzi ketika dihubungi hari ini mengulangi pendirian akan menghantar surat kepada Speaker jika sia-sia oleh jawatan kuasa khas UMNO mengenai politik wang di bahagiannya mendapati perkara itu tidak berlaku.

“Kalau dia orang (jawatan kuasa berkenaan) kata tidak ada politik wang, saya akan berundurilah daripada politik dan saya akan hantar surat kepada Speaker,” ujarnya.

Menurut beliau, keputusannya untuk meletakkan jawatan berkenaan juga bergantung kepada Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

“Mungkin Datuk Seri Adnan tidak mahu membuat sebarang kenyataan sekarang kerana mahu menunggu keputusan jawatan kuasa UMNO, kita tunggu dan lihat nanti apa keputusannya,” ujar beliau.